

Dampingi rakyat Sabah — Mahathir

11 FEB 1994

KUALA LUMPUR 22 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pemimpin BN di Sabah supaya mendampingi rakyat negeri itu sehingga ke peringkat akar umbi dan bekerja keras memahami masalah rakyat mulai sekarang.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai berkata, nasihat tersebut disampaikan semasa pertemuan selama dua jam antara 26 pemimpin BN Sabah, termasuk tiga ahli Parlimen, dengan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini.

Mereka juga membincangkan hubungan antara BN Sabah dengan BN pusat, kata Sakaran kepada para pemberita selepas pertemuan tersebut.

"Kita akan bekerja keras, dan berharap BN akan menang pada pilihanraya akan datang dan akan menjadi pembangkang yang berkesan di dalam kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS)," ujarnya.

Menurut beliau, sebagai pembangkang utama, BN Sabah juga telah berikrar akan memastikan kerajaan PBS memenuhi tuntutan penduduk Sabah dan membangunkan negeri yang telah ketinggalan sejak sembilan tahun lalu di bawah pemerintahan PBS.

Kepada satu soalan, Sakaran yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri berkata, BN Sabah akan membuat satu *post mortem* ekoran kekalahan calon BN di beberapa kawasan yang sepatutnya dimenangnya.

Beliau juga mengulangi bahawa BN Sabah akan mengkaji sama ada isu Perlembagaan Sabah, berhubung perlantikan enam orang Ahli Dewan Undangan Tambahan PBS, boleh ke mahkamah atau tidak.

Ditanya tentang perkembangan terbaru ura-ura beberapa pemimpin PBS mahu melompat parti untuk menyertai BN, Sakaran berkata: "Cuma ada ura-ura, tetapi sehingga kini belum nampak".

Kata beliau, mana-mana pemimpin PBS yang mahu memasuki BN adalah dialu-alukan, asalkan pemimpin berkenaan boleh membawa kemajuan dan perpaduan kepada Sabah tanpa mengira kaum, keturunan atau agama.

Ditanya sama ada jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah akan diisi, Sakaran berkata, perkara itu akan diserahkan kepada budi bicara Perdana Menteri.

Sementara itu, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee berkata, perkara yang dibincang semasa pertemuan dengan Dr. Mahathir ialah tentang perkembangan terbaru selepas pilihanraya, peranan BN di peringkat negeri dan perhubungan BN negeri dengan BN pusat.

Ditanya peranan SAPP selepas ini, beliau berkata: "Kita adalah wakil BN dan akan menjadi pembangkang yang berkesan."

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan, Dayang Mahani Pengiran Ahmad Raffae pula berkata, sebelum pilihanraya, ramai pihak yang meramalkan BN hanya akan mendapat tiga atau tujuh kerusi sahaja pada pilihanraya Sabah baru-baru ini.

Ditanya sama ada terdapat pemimpin BN Sabah membangkitkan cadangan supaya Perlembagaan Sabah berhubung perlantikan enam Ahli Dewan Undangan Negeri tambahan PBS dicabar di mahkamah semasa pertemuan tersebut, Dayang Mahani berkata, perkara tersebut tidak dibincangkan.